

20 JUL 1997

Mahathir-Pemimpin

PEMIMPIN HARUS DIBENARKAN BERKHIDMAT LEBIH LAMA, KATA DR M

Oleh: Zainoor Sulaiman

OKAYAMA, (Jepun) 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin yang dipilih perlu diberi masa untuk melaksanakan dasar-dasar mereka demi menfaat negara.

Beliau berkata, perubahan yang sering berlaku dalam kerjaan tidak akan membawa keputusan positif ataupun manfaat kepada rakyat.

"Anda tidak harus melihat jawatan itu sebagai ganjaran," kata beliau dalam dialog terbuka bersama Gabenor Okayama Nasahiro Ishii dan Pengerusi Jawatankuasa Perniagaan Kawasan, Katsumi Sssaki, di sini.

Perdana Menteri berkata, beliau terpaksa memperbaharui hubungan dengan sesebuah negara setiap kali negara itu memilih pemimpin baru untuk menerajui kerajaannya.

Ada satu negara yang telah mempunyai 60 Perdana Menteri dalam tempoh 50 tahun, katanya.

Jepun bernasib baik kerana walaupun Perdana Menterinya sering berubah, dasar-dasar kerajaan jarang berubah kerana kesemua mereka datang dari parti yang sama.

Semasa dialog itu, Perdana Menteri disoal mengenai pelbagai isu daripada hubungan antarabangsa, dasar pandang ke timur, perdagangan dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Mengenai perdagangan dan pelaburan, Dr Mahathir menjemput lebih banyak pelabur Jepun dari Okayama untuk melabur di Malaysia khususnya dalam industri-industri teknologi tinggi yang kurang berintensifkan buruh.

Beliau menjemput pelabur dari Okayama yang sedang membangunkan zon teknologi maklumat, untuk melabur dalam industri berkaitan di MSC yang meliputi kawasan seluas 15 X 40 kilometer dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di ibu negara ke pusat pentadbiran baru di Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Mengenai dasar pandang ke timur, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus belajar daripada pengalaman dan kejayaan Jepun.

Malaysia akan terus menghantar lebih banyak penuntut ke negara itu dan bilangan pelajar Malaysia di Jepun sekarang ialah 2,000 orang.

Memandangkan kos pendidikan yang tinggi di sini, beliau mencadangkan universiti-universiti Jepun membuka cawangan kampus mereka di Malaysia. --

BERNAMA

ZS PR